

IN THE COURT OF APPEAL OF MALAYSIA

Coram: Mohd Zawawi Salleh, JCA; Ahmadi Asnawi, JCA; Kamardin Hashim, JCA

Joseph Ifeanyi Oba v Pendakwa Raya

Citation: [2018] MYCA 309 **Suit Number:** Rayuan Jenayah No. B-05(M)-58-01/2017

Date of Judgment: 24 September 2018

PENGHAKIMAN

[1] Di hadapan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam, perayu telah dituduh dengan pertuduhan yang berikut:

"Bahawa kamu pada 4.7.2012 hingga 14.7.2012 di tandas Pejabat Siasatan Jenayah Narkotik, Aras 3, MTB, KLIA, Tandas Wad 6C Bilik 27, Hospital Serdang dan Dewan Bedah Hospital Serdang di dalam Daerah Serdang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya, iaitu 521.8 gram Methamphetamine dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama".

[2] Di akhir kes pembelaan, perayu telah didapati bersalah dan telah disabitkan di atas pertuduhan tersebut dan dijatuhi dengan hukuman gantung sampai mati.

[3] Rayuan di hadapan kami adalah berkaitan dengan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu tersebut.

[4] Kami telah mendengar dan seterusnya telah menolak rayuan perayu.

[5] Sekarang kami perturunkan alasan-alasan kami.

Naratif Kes Pihak Pendakwaan

[6] Pada 4.7.2012, kira-kira jam 10.40 malam, D/Sjn. Zulkifli b. Hj. Zainal (SP-2) yang ketika itu sedang membuat tugas pemantauan di Bahagian Tuntutan Bagasi, KLIA bersama-sama 8 orang anggota lain telah menahan perayu di mesin pengimbasan Jabatan Kastam kerana kelakuannya yang mencurigakan.

[7] Perayu kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Narkotik KLIA untuk pemeriksaan lanjut.

Pemeriksaan fizikal ke atas perayu tidak menemui apa-apa barang salah.

[8] Semasa proses pemeriksaan tersebut, perayu telah meminta untuk membuang air besar. Perayu lalu dibawa oleh SP-2 ke tandas yang berhampiran. Di atas lantai di dalam tandas tersebut, perayu telah mengeluarkan 5 ketulan bungkusan plastik (kapsul) yang disyaki dadah melalui duburnya bersama-sama dengan najisnya.

[9] Setelah kelima-lima kapsul tersebut dibersihkan oleh perayu, SP-2 telah merampas kapsul-kapsul tersebut, seraya menyerahkannya kepada pegawai penyiasat, Insp. Mohd. Firdaus bin Ali (SP-12), bersama-sama dengan perayu sekali.

[10] SP-12 telah mengarahkan SP-3 membawa perayu ke Hospital Serdang untuk pemeriksaan lanjut. Dr. Shamsinar dari Hospital tersebut telah mengesahkan, melalui x-ray yang diambil ke atas perayu, wujudnya benda-benda asing dalam abdomen perayu.

[11] Berdasarkan kepada dapatan Dr. Shamsinar tersebut, perayu telah dimasukkan ke Wad 6C, Bilik 27, Hospital tersebut (Hospital Serdang).

[12] Di hospital tersebut, perayu telah mengeluarkan sebanyak 47 ketulan kapsul mengandungi bahan disyaki dadah melalui duburnya di antara jam 4.00 pagi pada 5.7.2012 hingga jam 2.45 petang pada 6.7.2012.

[13] Pada 14.7.2012, perayu telah dibedah oleh Dr. Shahrniza bin Md Shahir (SP-14) untuk mengeluarkan 1 ketulan kapsul dari abdomennya yang juga mengandungi bahan yang disyaki dadah.

[14] Kesemua 53 ketulan kapsul (5+47+1) yang dikeluarkan oleh perayu melalui duburnya tersebut telah dihantar oleh SP-12 kepada ahli kimia untuk dianalisis.

[15] Ahli Kimia, Puan Norhaya binti Jaafar (SP-1), mengesahkan bahawa kesemua 53 kapsul tersebut mengandungi dadah jenis Methamphetamine seberat 521.8 gram (selepas ini dirujuk sebagai 'dadah tersebut'). Laporan analisisnya ialah eksibit P6 yang boleh dilihat di Jilid 4, Rekod Rayuan ('RR'). SP-1 turut mengesahkan bahawa dadah Methamphetamine disenaraikan di dalam Jadual Pertama, **Akta Dadah Berbahaya, 1952** (selepas ini disebut sebagai '**ADB, 1952**').

[16] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa fakta-fakta kes menunjukkan semasa perayu ditahan, dadah tersebut sememangnya berada di dalam perut perayu dan fakta ini dengan sendirinya membuktikan bahawa perayu sememangnya mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut. Seterusnya, berpandukan kepada nas-nas **Teh Hock Leong v PP** [2008] 4 CLJ 764 (Mahkamah Persekutuan), **Emmanuel Yaw Teiku v PP** [2006] 3 CLJ 567 (Mahkamah Persekutuan), **Arshad Mohammad Senjedeh v Pendakwa Raya** (Rayuan Jenayah No. B-05-317-11/2011) (Mahkamah Rayuan) dan **Kwok Weng Fatt v Pendakwa Raya** (Rayuan Jenayah No. P-05-270-10/2011) (Mahkamah Rayuan), hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa perayu turut mempunyai pengetahuan tentang wujudnya dadah dalam kapsul-kapsul yang ditelan olehnya. Beliau turut memetik nas Mahkamah Agung dalam kes **Tunde Apatira & Ors v PP** [2001] 1 CLJ

381, yang memutuskan seperti berikut:

"Tiada terdapat pertikaian mengenai fakta-fakta berkenaan milikkan dadah tersebut. Ia telah dibuktikan melalui keterangan dan diterima oleh hakim yang arif, bahawa dadah yang dipersoalkan di dalam peket-peket di dalam perut perayu. Setiap perayu menelan peket yang mengandungi dadah tersebut. Keseluruhan keterangan yang munasabah menyokong kesimpulan bahawa perayu-perayu di dalam milikan sebenar dadah yang diharamkan pada masa penahanan awal...walaupun tanpa bergantung kepada anggapan di dalam sek. 37(d) Akta tersebut".

[17] Dalam erti kata lain, hakim bicara mendapati bahawa perayu mempunyai milikkan *mens rea* dadah tersebut. Kami bersetuju sepenuhnya dengan dapatan ini.

[18] Mengenai elemen pengedaran pula, hakim bicara yang bijaksana telah merujuk kepada nas **Teh Hock Leong v PP** (supra) mengenai *modus operandi* yang diambil oleh perayu untuk membawa dadah tersebut ke negara ini. Selanjutnya, jumlah dadah yang banyak jelas menunjukkan bahawa dadah tersebut bukanlah untuk kegunaan sendiri tetapi untuk diperedarkan di negara ini. Pada akhirnya, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa fakta-fakta yang telah dibuktikan menunjukkan bahawa perayu telah mengedar dadah tersebut secara '*direct trafficking*' di bawah s. 2 **ADB, 1952**.

[19] Akhirnya, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu di atas pertuduhan sebagaimana dipertuduhkan ke atasnya. Dengan itu, perayu telah dipanggil untuk membela diri.

Kes Pembelaan

[20] Perayu memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

[21] Perayu menyatakan dia datang ke Malaysia pada 3.12.2011 untuk belajar Bahasa Inggeris di Pusat Atlantik Language, Cheras, untuk tempoh selama 2 tahun.

[22] Di dalam bulan Julai 2012, perayu balik ke Nigeria untuk menziarahi neneknya yang meninggal dunia.

[23] Beberapa hari sebelum balik semula ke Malaysia, perayu telah menelefon kawannya, Paul, di mana Paul tersebut kemudian telah meminta perayu untuk berjumpa dengannya di Lagos. Perayu sendiri berasal dari Anambara State.

[24] Menurut Paul, kawannya (kawan Paul) ingin mengirimkan sejenis herba kepada adik perempuannya yang berada di Malaysia.

[25] Perayu kemudiannya telah pergi ke Lagos dan berjumpa dengan Paul. Walau bagaimana pun, dia diberitahu oleh Paul bahawa herba tersebut berada dengan kawannya di Abuja City.

[26] Paul dan perayu kemudian telah pergi ke Abuja City. Mereka menginap di Hallmark Hotel,

Abuja City.

[27] Keesokan harinya kawan Paul telah datang ke hotel tersebut bersama-sama dengan 2 lelaki yang lain dengan membawa sebuah (1) beg. Mereka telah membuka beg tersebut dan setelah Paul berbincang dengan kawannya, Paul meminta perayu supaya membawa beg tersebut ke Malaysia untuk diserahkan kepada adik perempuan kawan Paul tersebut.

[28] Namun begitu, kawan Paul tidak bersetuju kerana beg tersebut mengandungi barang berharga, iaitu, herba dan '*raw steroid powder*' untuk mengubati penyakit kanser.

[29] Kawan Paul tersebut kemudian menyuruh perayu menelan barang-barang tersebut (dalam bentuk kapsul) kerana menurutnya, barang-barang tersebut '*tidak boleh lepas mengikut kaunter dan cukainya sangat tinggi*'.

[30] Perayu enggan untuk menelan kapsul-kapsul tersebut. Akibatnya dia telah ditumbuk di bibirnya. Selain itu keselamatan ahli-ahli keluarganya turut diancam. Mereka juga mengambil dokumen-dokumen perjalanan perayu, alamat rumah perayu dan nama isteri perayu untuk dibuat salinan fotostat.

[31] Apabila perayu masih enggan untuk menelan kapsul-kapsul tersebut, salah seorang daripada lelaki-lelaki tersebut mengeluarkan sepucuk pistol dan meletakkan di atas meja dan memaksa perayu supaya menelan semua kapsul-kapsul tersebut sambil mengancam keselamatan ahli-ahli keluarganya. Akhirnya perayu akur lalu menelan kesemua kapsul-kapsul tersebut.

[32] Sesampainya di KLIA, adik kawan Paul bernama 'Nkairu' telah menelefonnya, menyatakan dia akan datang ke KLIA.

[33] Perayu seterusnya menyatakan dia berasa amat tidak selesa (*uncomfortable*) lalu mendapatkan bantuan seorang pegawai keselamatan yang membawa dia ke Kaunter Imigresen dan kemudiannya ke klinik. Selepas itu dia dibawa oleh pegawai keselamatan tersebut ke Balai Polis dan dibiarkan di situ.

[34] Perayu menyatakan pihak polis telah mengimbas beg serta tubuh beliau tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah.

[35] Pada masa yang sama, telefon bimbitnya telah berdering tetapi pihak polis tidak membenarkannya menjawab panggilan tersebut. Apabila polis bertanya siapa pemanggil, perayu menjawab mungkin daripada 'Nkairu'. Pihak polis kemudiannya bertanya sama ada perempuan itu boleh bayar. Perayu menjawab dia tidak tahu. Selepas itu, perayu telah dibawa ke Balai Polis dan diserahkan kepada ketua mereka bersama-sama dengan dokumen-dokumennya.

[36] Perayu menyatakan dia telah memberitahu pihak polis bahawa dia telah dipaksa oleh sekumpulan lelaki yang merupakan kawan-kawan Paul, untuk menelan kapsul-kapsul tersebut. Seterusnya, perayu menyatakan dia tidak diberi peluang untuk bertemu dengan pegawai penyiasat.

[37] Perayu menunjukkan kepada pihak polis tentang luka di bibirnya seperti dalam gambar No. 26.

Tetapi, menurutnya, SP-14 tidak mengambil apa-apa maklumat berkenaan dengan kecederaan tersebut daripada perayu. Namun, SP-14, yang dipanggil oleh perayu sebagai SD-2, menyatakan tidak ingat sama ada terdapat kecederaan pada bibir perayu dan mengakui tidak membuat apa-apa rawatan ke atas perayu selain dari pembedahan untuk mengeluarkan 1 biji kapsul dari abdomen perayu tersebut.

[38] Perayu turut menyatakan kawannya Paul telah membuat laporan polis di Nigeria. Percubaannya untuk memanggil Paul sebagai saksi gagal walaupun selepas 4 kali kes ditangguhkan.

[39] Hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa isu bahawa perayu telah dipukul dan diugut supaya menelan kapsul-kapsul tersebut tidak pernah ditimbulkan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan. Demikian juga isu luka di bibir juga tidak pernah diketengahkan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan, khususnya SP-12, SP-14 dan saksi-saksi lain yang relevan seperti beberapa orang sentri yang menjaga perayu sepanjang perayu di tahan di Wad 6C. Dengan demikian, hakim bicara mendapati bahawa keterangan tersebut merupakan rekaan semata-mata dan *'afterthought'*.

[40] Hakim bicara yang bijaksana juga mendapati watak 'Paul' adalah meragukan dan adalah tidak munasabah bagi perayu untuk pergi ke Abuja City 2 hari sebelum balik ke Malaysia semata-mata untuk memenuhi permintaan Paul. Jika benar perayu telah diugut dan dipaksa untuk menelan kapsul-kapsul tersebut, perayu boleh sahaja melakukan sesuatu untuk menyelamatkan dirinya semasa berada di Lapangan Terbang Lagos atau sebaik sahaja tiba di KLIA dengan terus berjumpa pihak berkuasa.

[41] Hakim bicara yang bijaksana lantas mendapati bahawa perayu gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Dengan demikian, perayu telah didapati bersalah dan sabit di atas kesalahan tersebut dan dihukum gantung di leher sampai mati dengan menggunakan tali.

Rayuan Perayu

[42] Perayu telah mengemukakan 2 alasan rayuan berikut:

- (i) kegagalan pihak polis untuk merakamkan percakapan beramaran perayu sama ada di bawah s. 37A, **ADB, 1952** atau pun di bawah s. 113, **Kanun Acara Jenayah**, telah memprejudiskan perayu; dan
- (ii) Ketidaktentuan (*uncertainty*) tentang beban pembuktian (*burden of proof*) yang diguna pakai oleh hakim bicara yang bijaksana.

Keputusan Kami

Alasan (i) - kegagalan pihak polis untuk merakamkan percakapan beramaran perayu

[43] Peguam bela yang bijaksana menghujahkan kegagalan pihak polis untuk merakamkan percakapan beramaran perayu telah menafikan hak dan peluang perayu untuk mengetengahkan kes atau pembelaannya di kesempatan paling awal sekali (*'at the earliest possible opportunity'*).

[44] Dihujahkan juga bahawa kegagalan tersebut telah menafikan peluang perayu untuk menyokong atau mempertahankan atau mengukuhkan pembelaannya andainya dibaca bersekali dengan rakaman kenyataan beramarannya.

[45] Dihujahkan seterusnya bahawa kewujudan watak 'Paul' boleh disahkan melalui kenyataan beramaran perayu jika diambil, yang sekali gus boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan menyokong versi pembelaan perayu bahawa perayu hanyalah seorang '*innocent carrier*'.

[46] Selanjutnya dihujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana gagal untuk membuat analisis yang adil dan saksama berkaitan keseluruhan aspek pembelaan perayu. Hakim bicara juga tidak membuat apa-apa penemuan sama ada kegagalan untuk merakam kenyataan beramaran perayu telah menjejaskan kes pihak pendakwaan dan/atau sama ada kegagalan tersebut telah memprejudiskan pembelaan perayu. Dihujahkan, pada hakikatnya kegagalan tersebut telah memprejudiskan perayu dan menafikan hak perayu untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. Ia juga bertentangan dengan konsep '*natural justice and fair trial*'. Peguam bela yang bijaksana turut merujuk kepada nas **Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v Pendakwa Raya** [2017] MLJU 180 (Mahkamah Rayuan) yang merujuk kepada kes **Lee Kwan Woh v PP** [2009] 5 CLJ 631, di mana Gopal Sri Ram HMP menyatakan bagi pihak mahkamah:

"It is clear from this passage the rules of natural justice, which is the procedural aspect of the rule of law, is an integral part of Articles 5(1) and 8(1). In short, procedural fairness is incorporated in these two articles".

[47] Kami telah menyemak dengan teliti peruntukkan berkaitan dengan kenyataan beramaran seperti diperuntukkan di bawah s. 37A, **ADB, 1952** dan s.113, **Kanun Acara Jenayah (KAJ)**.

[48] Kenyataan beramaran seperti yang kami fahami di bawah s. 113 **KAJ** yang lama (sebelum dipinda oleh **Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1304/2007**) tidak lagi wujud. Seksyen tersebut telah diganti dengan peruntukkan-peruntukkan baru, di mana yang relevan untuk pembelaan perayu ialah seperti berikut:

"Admissions of statements in evidence

113(1) Except as provided in this section, no statement made by any person to a police officer in the course of a police investigation made under this chapter shall be used in evidence

(2) ...

(3) Where the accused had made a statement during the course of a police investigation, such statement may be admitted in evidence in support of his defence during the course of the trial.

(4) ...

(5) ...”

[49] Kesan langsung pindaan tersebut ialah pihak polis boleh mengambil kenyataan daripada tertuduh di bawah s. 112, **KAJ**, tanpa perlu memberikan amaran (*‘without the need to administer caution’*) seperti diperuntukkan di bawah s. 113 yang lama. Kenyataan tersebut tidak boleh digunakan oleh pihak pendakwaan sama sekali hatta untuk tujuan *‘impeachment’* tertuduh walaupun ia boleh digunakan untuk *‘impeach’* kredibiliti saksi-saksi lain selain daripada tertuduh. Namun begitu, tertuduh (perayu) boleh menggunakan kenyataan tersebut untuk menyokong pembelaannya.

[50] Seksyen 37A, **ADB 1952**, masih mengekalkan peruntukkan yang sama dengan s. 113, **KAJ**, yang lama. Ia memeruntukkan “...where any person is charged with any offence against this Act any statement, whether the statement amounts to a confession or not or is oral or in writing, made at any time, whether before or after such person is charged and whether in the course of a police investigation or not and whether or not wholly or partly in answer to questions, by that person to or in the hearing of any police officer of or above the rank of Inspector or any senior officer of customs and whether or not interpreted to him by any other police officer or senior officer of customs or any other person concerned or not in the arrest, shall not withstanding anything to the contrary contained in any written law, be admissible at his trial in evidence and, if such person tenders himself as a witness, any such statement may be used in cross-examination and for the purpose of impeaching his credit...”.

[51] Kenyataan tersebut tidak boleh diterima masuk jika ia diperolehi melalui dorongan (*inducement*), ugutan (*threat*) atau pujuk rayu (*promise*) (lihat s. 37A(1)(a)) atau jika kenyataan tersebut telah dirakamkan tanpa amaran statutori seperti diperuntukkan di bawah s. 37A(1)(b), **ADB 1952**. Namun begitu, s. 37A tersebut tidak memeruntukkan bahawa tertuduh boleh menggunakan kenyataan beramarannya untuk menyokong pembelaannya.

[52] Tidak diperuntukkan di mana-mana pun sama ada di bawah s. 113, **KAJ**, atau s. 37A, **ADB, 1952** yang mewajibkan pegawai penyiasat mesti merakamkan kenyataan beramaran tertuduh (perayu).

[53] Pegangan pihak pembelaan ialah SP-12 (pegawai penyiasat) langsung tidak mengambil kenyataan beramaran perayu atau mengarahkan kenyataan tersebut diambil. Justeru, SP-12 telah dikritik atas kegagalan tersebut dan atas kegagalan beliau untuk memberi penjelasan kenapa kenyataan tersebut tidak diambil.

[54] Pada hemat kami, SP-12 tidak perlu memberikan apa-apa penjelasan kenapa beliau tidak merakamkan kenyataan beramaran perayu kerana tidak ada undang-undang yang mewajibkan SP-12 untuk merakamkan percakapan tersebut sebagai sebahagian dari proses penyiasatannya. Kedua-dua peruntukkan di bawah **KAJ** dan **ADB, 1952** tersebut hanyalah *‘option’* yang dimiliki oleh pihak penguat kuasa di mana mereka diberi kebebasan sama ada untuk menggunakannya atau sebaliknya. Sekiranya pada pendapat pegawai penyiasat penyiasatannya telah membuahkan kes yang kukuh, seperti dalam kes ini, di mana barang salah tersebut dikeluarkan oleh perayu dari duburnya, maka keperluan untuk merakamkan kenyataan beramaran tersebut tidaklah mendesak mahu pun relevan.

Maka, ketiadaan kenyataan beramaran tersebut tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan sama sekali. Lagi pun dalam kes semasa, kenyataan beramaran perayu tersebut tidak menjadi sebahagian daripada kes pihak pendakwaan.

[55] Pihak pembelaan pula tidak boleh bergantung kepada keterangan yang tidak ada dalam milik pihak pendakwaan untuk menyokong pembelaannya. Pihak pembelaan perlulah bergantung atau mencari/ mengemukakan keterangan-keterangan lain untuk menyokong pembelaannya, seperti memanggil 'Paul' untuk memberi keterangan. Dalam pada itu, dakwaan perayu bahawa dia tidak diberi peluang untuk bertemu dengan pegawai penyiasat (SP-12) tidak pernah diletakkan (*put*) kepada SP-12. Ini telah menafikan hak SP-12 untuk sama ada menidakkan atau menyetujui dakwaan perayu tersebut. Dengan itu, pada hemat kami, dakwaan perayu tersebut hanya satu rekaan terkemudian semata-mata (*afterthought*).

[56] Watak 'Paul' dan perihal kawan-kawan Paul telah memaksa dan mengugut perayu untuk menelan kapsul-kapsul tersebut merupakan teras pembelaan perayu. Maka, sepatutnya ia diunjurkan seawal mungkin kepada saksi-saksi pendakwaan seperti SP-2, sentri-sentri yang menjaga perayu di hospital dan juga kepada SP-12 yang merupakan pegawai penyiasat dalam kes ini semasa di peringkat penyiasatan lagi iaitu ketika di dalam tandas di KLIA selepas kapsul-kapsul tersebut keluar dari duburnya atau semasa di Hospital Serdang. Tidak perlulah perayu menunggu sehingga kenyataannya diambil baru hendak mendedahkan (*disclose*) perihal ugutan/ paksaan untuk menelan kapsul-kapsul tersebut oleh kawan-kawan Paul. Ini merupakan salah satu kaedah untuk menyokong pembelaannya. Namun ini tidak berlaku dalam kes ini. Lantas ia telah menjadikan pembelaan tersebut sebagai suatu rekaan terkemudian.

[57] Seperti dinyatakan di perenggan-perenggan terdahulu, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa isu perayu telah dipukul, diugut dan dipaksa menelan kapsul-kapsul tersebut tidak pernah diketengahkan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan seperti SP-2, SP-12 dan sentri-sentri yang mengawal perayu di Hospital Serdang. Dengan demikian, hakim bicara mendapati bahawa keterangan tersebut merupakan rekaan semata-mata dan satu '*afterthought*'. Hakim bicara yang bijaksana juga mendapati kewujudan watak 'Paul' adalah meragukan dan tidak munasabah bagi perayu untuk pergi ke Abuja City dua hari sebelum pulang ke Malaysia semata-mata untuk memenuhi permintaan Paul untuk membawa herba tersebut ke Malaysia. Selain itu, hakim bicara juga menyatakan mahkamah telah bermurah hati memberikan empat kali penangguhan kepada perayu untuk memberi peluang kepadanya membawa Paul memberi keterangan. Namun Paul gagal untuk datang memberi keterangan. Ini telah menimbulkan persoalan sama ada saksi ini benar-benar wujud.

[58] Pada hemat kami, kewujudan 'Paul' bukanlah bahagian yang '*essential*' dalam pembelaan perayu. Apa yang '*pertinent*' ialah sama ada perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah yang terkandung dalam kapsul-kapsul yang ditelannya. Untuk menjelaskan isu ini, perayu telah membawa masuk watak 'Paul'. Namun hakim bicara yang bijaksana telah menolak kewujudan 'Paul'. Dengan demikian, pembelaan '*innocent carrier*' yang dibangkitkan oleh perayu turut runtuh. Malah hakim bicara mendapati bahawa keterangan perayu yang pergi ke Lagos dan kemudiannya ke Abuja City untuk mengambil herba tersebut menunjukkan perayu memang mengetahui kapsul-kapsul tersebut

mengandung dadah yang perlu dibawa secara tersorok atau disembunyikan dengan rapi untuk mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Perayu telah memilih untuk menelan kapsul-kapsul tersebut secara suka rela.

[59] Kami bersetuju dengan dapatan ini. Dengan demikian, sama ada ‘Paul’ wujud atau sebaliknya bukanlah inti pati (*‘essence’*) pembelaan perayu. Sebaliknya, pada hemat kami inti patinya ialah sama ada perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah yang terkandung di dalam kapsul-kapsul yang ditelannya. Maka, untuk maksud tersebut, perayu mesti menimbulkan keraguan yang munasabah bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan bahawa kapsul-kapsul yang ditelan tersebut mengandungi dadah. Hakim bicara yang bijaksana mendapati perayu gagal untuk berbuat demikian. Dalam hal ehwal keseluruhan keadaan kes ini, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana tersebut. Dengan demikian, ketiadaan rakaman kenyataan beramaran perayu tidak langsung menjejaskan pembelaan yang dibangkitkan oleh perayu.

[60] Seterusnya, tidak ada asas untuk menyatakan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk membuat analisis yang adil dan saksama ke atas keseluruhan pembelaan perayu atas alasan hakim bicara tidak membuat apa-apa penemuan sama ada kegagalan untuk merakamkan kenyataan beramaran perayu tersebut telah memprejudiskan kes kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan. Ini kerana kenyataan beramaran tersebut tidak wujud untuk hakim bicara mempertimbangkannya. Dan, pihak pendakwaan tidak boleh dipersalahkan di atas isu ini kerana tidak ada undang-undang yang mewajibkan pegawai penyiasat mesti merakamkan kenyataan beramaran perayu sebagai sebahagian dari proses penyiasatannya.

[61] Kes yang dirujuk oleh peguam bela yang bijaksana iaitu **Lee Kwan Woh v PP** (supra) berbeza sama sekali dengan kes di hadapan kami kerana kes tersebut merujuk kepada hakim bicara yang menafikan hak kedua-dua pihak pembelaan dan pendakwaan untuk membuat hujahan lisan di akhir kes masing-masing. Hak ini adalah hak yang *‘inherent’* dalam mana-mana perbicaraan dan penafiannya merupakan satu pelanggaran prinsip-prinsip *‘procedural fairness’* yang dijamin dan menjadi sebahagian daripada Artikel 5(1) dan 8(1) **Perlembagaan Persekutuan**. Ia menjadi sebahagian dari *‘rules of natural justice’* yang merangkumi aspek-aspek prosedur dalam wadah *‘rule of law’*.

[62] Di atas segala alasan seperti diperincikan di atas, kami mendapati bahawa alasan (i) rayuan ini tidak mempunyai sebarang merit sama sekali.

Alasan (ii) - ketidaktentuan tentang beban pembuktian yang diguna pakai oleh hakim bicara

[63] Peguam bela yang bijaksana telah menarik perhatian kami kepada alasan penghakiman hakim bicara yang bijaksana di perenggan 19, m.s. 24, Jilid 1, RR, di mana di antara lain hakim bicara menyatakan:

" ...Begitu juga jumlah dadah yang banyak dibawa oleh OKT jelas menunjukkan dadah itu bukanlah untuk kegunaan sendiri tetapi untuk diperedarkan di negara ini. **Fakta-fakta kes ini menunjukkan elemen ‘direct trafficking’ di bawah s. 2, ADB, 1952, telah dilakukan oleh**

OKT...” (tekanan oleh kami).

[64] Namun begitu, peguam bela menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah memaparkan percanggahan dirinya apabila menyatakan dalam alasan penghakiman yang seterusnya di perenggan 38, m.s. 37 seperti berikut:

“...Undang-undang tidak meletakkan apa-apa beban ke atas OKT untuk membuktikan OKT tidak bersalah, jika pun terdapat beban, bebannya adalah ringan dan hanya pada tahap imbalan kebarangkalian sahaja”.

[65] Peguam bela yang bijaksana menghujahkan kenyataan di atas mewujudkan kecelaruan yang nyata kerana hakim bicara tidak pernah memutuskan wujudnya kes *prima facie* berdasarkan mana-mana anggapan dan hakim bicara juga tidak pernah ‘*invoke*’ mana-mana anggapan statutori di bawah ADB, 1952 terhadap perayu yang memerlukan perayu mematahkan anggapan tersebut di atas ujian imbalan kebarangkalian. Ini juga telah menyebabkan perayu diletakkan dengan beban yang lebih tinggi daripada apa yang diputuskan di akhir kes pendakwaan.

[66] Peguam bela yang bijaksana seterusnya menyatakan bahawa di perenggan 40, m.s. 42, alasan penghakiman yang sama, hakim bicara telah memutuskan:

“Berdasarkan kepada alasan-alasan yang tersebut di atas, saya berpuas hati bahawa pembelaan OKT di atas telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan”.

[67] Dihujahkan bahawa dapatan hakim bicara telah menimbulkan kecelaruan baru yang menyebabkan perayu tidak mengetahui dengan jelas sama ada kes beliau adalah satu kes pengedaran sebenar (*actual trafficking*) atau pengedaran yang menggunakan anggapan (*presumed trafficking*). Dihujahkan, bahawa hal ini adalah satu ketidakpastian yang memprejudiskan perayu, dan yang terjumlah kepada satu kegagalan keadilan.

[68] Peguam bela yang bijaksana seterusnya menyatakan kecelaruan atau ketidakpastian dapatan hakim bicara seperti dipaparkan di atas adalah satu salah arah yang serius di mana faedah keraguan seharusnya dipanjangkan kepada pihak perayu. Untuk memperkukuhkan hujahannya, peguam bela yang bijaksana telah bergantung kepada nas-nas **Daniel Akachukwu Agbanusi v PP** [2017] MLJU 108 (Mahkamah Rayuan); **Saeid Reza Mohammadi Mohamad v PP** [2016] 1 LNS 303; **Soorya Kumar Narayanan v PP** [2009] 6 CLJ 257.

[69] Kami telah menghalusi alasan penghakiman hakim bicara dengan cermat dan mendapati bahawa tidak wujud sebarang kekeliruan di pihak hakim bicara yang bijaksana tentang beban pembuktian yang terpakai dalam kes ini. Di perenggan 38, m.s. 37, hakim bicara telah memulakan perenggan tersebut dengan kata-kata:

“Sama ada pembelaan yang diberikan oleh OKT di atas telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah di dalam erti kata prinsip-prinsip kes yang dirujuk di atas”.

[70] Petikan di atas menunjukkan bahawa hakim bicara yang bijaksana amat sedar serta mengetahui bahawa bebanan ke atas pihak pembelaan yang tidak melibatkan invokasi mana-mana anggapan statutori di bawah ADB, 1952 adalah untuk hanya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Dalam kes ini, hakim bicara telah mendapati secara *prima facie* bahawa perayu telah mengedarkan dadah tersebut secara *direct trafficking* di bawah s. 2, **ADB 1952**. Tidak ada mana-mana anggapan statutori di bawah ADB telah di *invoke* terhadap perayu. Dalam keadaan sedemikian, maka sewajarnya bebanan yang dipikul oleh perayu untuk menangkis kes pendakwaan hanyalah atas ujian menimbulkan keraguan yang munasabah. Ini telah dilakukan dengan betul oleh hakim bicara yang bijaksana.

[71] Rumusan kami di atas diperkuatkan oleh kenyataan hakim bicara yang bijaksana yang seterusnya di perenggan 40, m.s. 42, alasan penghakimannya, di mana beliau telah memutuskan bahawa berdasarkan kepada segala alasan-alasan yang disebut di perenggan-perenggan sebelumnya iaitu di perenggan-perenggan 38 dan 39 (a) hingga (g) dari m.s. 37 hingga m.s. 41, beliau berpuas hati bahawa pembelaan perayu tersebut telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pembelaan.

[72] Seterusnya hakim bicara yang bijaksana mendapati di perenggan berikutnya (perenggan 41) bahawa:

"41. Oleh itu saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap OKT melampaui keraguan yang munasabah. OKT didapati bersalah dan disabitkan".

[73] Dari paparan petikan di atas, adalah nyata hakim bicara yang bijaksana hanya menggunakan ujian '*untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan*' dalam menilai keseluruhan pembelaan yang dibangkitkan oleh perayu. Kami berpuas hati bahawa hakim bicara tidak pernah menggunakan ujian '*di atas imbalan kebarangkalian*' untuk perayu menangkis kes pihak pendakwaan. Pada hemat kami, hakim bicara yang bijaksana telah mengendalikan tugasannya dengan betul.

[74] Apa yang dinyatakan oleh hakim bicara di sub-perenggan kedua perenggan 38, di m.s. 37, alasan penghakiman, seperti dipetik oleh peguam bela yang bijaksana dan dipaparkan dalam perenggan 64 di atas hanyalah satu *verbosity* semata-mata. Ujian atau beban tersebut tidak pernah pun digunakan oleh hakim bicara ke atas perayu untuk perayu menangkis atau mematahkan kes pendakwaan. Beban atau ujian yang digunakan ke atas perayu hanyalah perayu dikehendaki untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Kaedah yang diambil oleh hakim bicara tersebut adalah betul menurut undang-undang.

[75] Dengan itu kami mendapati bahawa alasan (ii) rayuan ini juga tidak mempunyai sebarang merit.

Kesimpulan

[76] Berdasarkan kepada segala alasan yang diperincikan dalam perenggan-perenggan di atas, kami mendapati bahawa sabitan ke atas perayu di atas pertuduhan yang dikenakan ke atas beliau adalah

selamat. Dengan itu, kami menolak rayuan perayu dan seterusnya mengekalkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas perayu.

Bertarikh: 24hb. September 2018

AHMADI HAJI ASNAWI
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia

COUNSEL

Peguam Bela Perayu: Tuan Ariff Azami Hussein, Tetuan Azizul & Ariff & Co, Peguambela dan Peguamcara

Peguam Bela Responden: Mohd. Zain b. Ibrahim, Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara

LEGISLATION REFERRED TO:

Akta Dadah Berbahaya 1952, Jadual Pertama; Seksyen-seksyen 2, 37A, 37A(1)(a), 37A(1)(b)

Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1304/2007

Kanun Acara Jenayah, Seksyen-seksyen 112, 113

Perlembagaan Persekutuan, Artikel-artikel 5(1), 8(1)

JUDGMENTS REFERRED TO:

Arshad Mohammad Senjedeh v Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah No. B-05-317-11/2011) (Mahkamah Rayuan)

Daniel Akachukwu Agbanusi v PP [2017] MLJU 108 (Mahkamah Rayuan)

Emmanuel Yaw Teiku v PP [2006] 3 CLJ 567 (Mahkamah Persekutuan)

Kwok Weng Fatt v Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah No. P-05-270-10/2011) (Mahkamah Rayuan)

Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 CLJ 631

Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v Pendakwa Raya [2017] MLJU 180 (Mahkamah Rayuan)

Saeid Reza Mohammadi Mohamad v PP [2016] 1 LNS 303

Soorya Kumar Narayanan v PP [2009] 6 CLJ 257

Teh Hock Leong v PP [2008] 4 CLJ 764 (Mahkamah Persekutuan)

Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 CLJ 381

Notice: The Promoters of Malaysian Judgments acknowledge the permission granted by the relevant official/ original source for the reproduction of the above/ attached materials. You shall not reproduce the above/ attached materials in whole or in part without the prior written consent of the Promoters and/or the original/ official source. Neither the Promoters nor the official/ original source will be liable for any loss, injury, claim, liability, or damage caused directly, indirectly or incidentally to errors in or omissions from the above/ attached materials. The Promoters and the official/ original source also disclaim and exclude all liabilities in respect of anything done or omitted to be done in reliance upon the whole or any part of the above/attached materials. The access to, and the use of, Malaysian Judgments and contents herein are subject to the [Terms of Use](#).